



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENILAIAN KAEDAH ABAHATA TERHADAP
PEMBACAAN SURAH AL-FATIHAH MURID
TINGKATAN 1 SEHINGGA TINGKATAN 3
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DI
DAERAH MELAKA TENGAH**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

MUHAMMAD ZULHUSNIE BIN KHALIB

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENILAIAN KAEDAH ABAHATA TERHADAP PEMBACAAN SURAH
AL-FATIHAH MURID TINGKATAN 1 SEHINGGA TINGKATAN 3
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DI
DAERAH MELAKA TENGAH**

MUHAMMAD ZULHUSNIE BIN KHALIB



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**LAPORAN KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN ISLAM
(MOD KERJA KURSUS)**

**FAKULTI KEMANUSIAAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (☒)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada**28**..... (hari bulan)**JUN**..... (bulan) 20..**25**...

i. Perakuan pelajar :

Saya, MUHAMMAD ZULHUSNIE BIN KHALIB (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis SARJANA PENDIDIKAN yang bertajuk PENILAIAN KAEDAH ABAHATA TERHADAP PEMBACAAN SURAH AL-FATIHAH MURID TINGKATAN 1 SEHINGGA TINGKATAN 3 SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DI DAERAH MELAKA TENGAH adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya.


Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF MADYA DR. MOHAMAD MARZUQI BIN ABDUL RAHIM (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENILAIAN KAEDAH ABAHATA TERHADAP PEMBACAAN SURAH AL-FATIHAH MURID TINGKATAN 1 SEHINGGA TINGKATAN 3 SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DI DAERAH MELAKA TENGAH (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian / sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

29/ 06 /2025

Tarikh


Tandatangan Penyelia

PROF MADYA DR. MOHAMAD MARZUQI ABDUL RAHIM
Pensyarah
Jabatan Pengajian Islam
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji dan syukur saya panjatkan ke hadirat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, saya berjaya menyiapkan kertas projek ini sebagai memenuhi keperluan pengajian di peringkat Sarjana. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya, Prof Madya Dr. Mohamad Marzuqi Bin Abdul Rahim atas tunjuk ajar, bimbingan, nasihat dan dorongan yang berterusan sepanjang proses penulisan dan penyelidikan ini dijalankan. Budi baik dan kesabaran beliau dalam memberi panduan amat saya hargai dan akan saya kenang sepanjang hayat. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga saya tujukan kepada semua pensyarah di Universiti Pendidikan Sultan Idris ini yang telah menyumbangkan ilmu, masa dan pengalaman dalam membentuk pemikiran saya sepanjang tempoh pengajian ini. Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan serta individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menjayakan kajian ini, khususnya dalam penyebaran soal selidik, perkongsian maklumat dan memberi sokongan moral. Tidak dilupakan ahli keluarga saya, khususnya umi, Norliyah binti Aman, dan ayah, Haji Khalib bin Takim, serta mertua saya, abah, Gabaldin bin Limaa, dan mak, Noraini binti Ujang. Penghargaan istimewa juga kepada pasangan saya, Norizuani binti Gabaldin, atas doa, pengorbanan, kasih sayang, dorongan, dan kesabaran yang sentiasa menjadi sumber kekuatan saya. Ucapan terima kasih turut saya tujukan kepada adik-beradik yang sentiasa memberi sokongan dan galakan. Akhir sekali, saya dedikasikan kertas projek ini kepada semua yang percaya dan tidak pernah berhenti menyokong saya. Semoga segala usaha ini memberi manfaat kepada semua pihak serta menjadi amal jariah yang berpanjangan.





ABSTRAK

Kelemahan penguasaan bacaan Surah Al-Fatihah dalam kalangan pelajar sekolah menengah telah dikenalpasti melalui pemerhatian sewaktu pembelajaran di dalam bilik darjah, mendorong kajian ini untuk menilai keberkesanan kaedah ABAHATA. Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap penguasaan bacaan Surah Al-Fatihah dalam kalangan murid Tingkatan 1 hingga 3 di Sekolah Menengah Kebangsaan Melaka Tengah, sebelum dan selepas pelaksanaan kaedah ABAHATA, serta menilai keberkesanannya. Reka bentuk eksperimen berkumpulan dengan ujian pra dan pos digunakan dengan melibatkan 12 pelajar lelaki, dengan tujuh pelajar dalam kumpulan rawatan dan lima dalam kumpulan kawalan. Data dikumpul melalui ujian pra dan pos serta soal selidik. Dapatan menunjukkan peningkatan signifikan dalam kumpulan rawatan bagi semua domain: makhraj huruf, hukum tajwid, penulisan rasm, dan tartil serta taranum. Kumpulan kawalan tidak menunjukkan perubahan. Soal selidik mendedahkan persepsi positif, terutamanya keyakinan membaca Al-Quran. Kaedah ABAHATA terbukti efektif, meningkatkan kemahiran teknikal dan motivasi pelajar. Implikasinya, kaedah ini boleh diintegrasikan dalam kurikulum Pendidikan Islam untuk memperkukuhkan lagi bacaan Al-Quran pelajar di sekolah menengah. Sumbangan kajian ini ialah menyokong inovasi pedagogi yang sistematik dan interaktif. Kajian lanjutan disyorkan untuk skop yang lebih luas.





THE EVALUATION OF THE ABAHATA METHOD ON THE RECITATION OF SURAH AL-FATIHAH AMONG FORM 1 TO FORM 3 STUDENTS OF NATIONAL SECONDARY SCHOOLS IN THE MELAKA TENGAH DISTRICT

ABSTRACT

The weakness in mastering the recitation of Surah Al-Fatihah among secondary school students, observed during classroom learning, prompted this study to evaluate the effectiveness of the ABAHATA method. This study aims to identify the mastery level of Surah Al-Fatihah recitation among Form 1 to 3 students in a National Secondary School in Melaka Tengah, before and after the implementation of the ABAHATA method, and to assess its effectiveness. A group experimental design with pre- and post-tests was employed, involving 12 male students, with seven in the treatment group and five in the control group. Data were collected through pre- and post-tests and a questionnaire. Findings revealed significant improvements in the treatment group across all domains: makhraj huruf, tajwid rules, rasm writing, and tartil and taranum. The control group showed no changes. The questionnaire indicated positive perceptions, particularly in confidence in Quranic recitation. The ABAHATA method proved effective in enhancing technical skills and student motivation. Its implications suggest integration into the Islamic Education curriculum to strengthen Quranic recitation among secondary school students. The study contributes to systematic and interactive pedagogical innovation. Further research with a broader scope is recommended.

Keywords: ABAHATA method, Surah Al-Fatihah, Quranic recitation, Islamic Education



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Persoalan Kajian	9
1.6 Hipotesis Kajian	9
1.7 Kerangka Konseptual	10

1.8 Definisi Operasional Kajian	12
1.8.1 Kaedah ABAHATA	12
1.8.2 Surah Al-Fatihah	14
1.9 Batasan Kajian	15
1.10 Kepentingan Kajian	16
1.10.1 Kepentingan Kajian Kepada Pendidikan Al-Quran Murid-Murid	16
1.10.2 Kepentingan Kajian Kepada Murid Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (Institusi)	17
1.10.3 Kepentingan kepada ibubapa	17

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

19

2.1 Pendahuluan	19
2.1.1 Pengajian Al-Quran	20
2.1.2 Tilawah	20
2.1.3 Tajwid	21
2.1.4 Bacaan Al-Fatihah	22
2.1.5 Pembelajaran Tilawah	22
2.1.6 Kaedah ABAHATA	23
2.2 Teori berkaitan kajian	23
2.2.1 Teori Pembelajaran Al-Qabisi	24
2.2.2 Teori Kecerdasan Pelbagai	25
2.3 Kajian lepas tentang Kaedah Pengajaran Al-Quran	27

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	32
3.1 Pendahuluan	32
3.2 Reka Bentuk Kajian	33
3.3 Populasi dan Sampel Kajian	34
3.4 Instrumen Kajian	35
3.4.1 Modul ABAHATA	36
3.4.2 Borang penilaian berdasarkan item kajian – ujian Pra	36
3.4.3 Borang penilaian berdasarkan item kajian – ujian Pos	36
3.5 Kesahan Instrumen Kajian	37
3.6 Kajian Rintis	39
3.6.1 Kajian Rintis terhadap Instrumen Kajian	42
3.7 Analisis Data	43
3.8 Rumusan	43
BAB 4 DAPATAN KAJIAN	44
4.1 Pendahuluan	44
4.2 Profil Responden	46
4.3 Dapatan Kajian	50
4.3.1 Tahap Penguasaan sebelum dan selepas pelaksanaan Kaedah ABAHATA	50
4.4 Analisis Keberkesanan Kaedah ABAHATA	53

4.4.1 Ujian-t Berpasangan (Kumpulan Rawatan)	53
4.4.2 Ujian-t Bebas (Kumpulan Rawatan dengan Kawalan)	57
4.5 Pendapat Pelajar Terhadap Kaedah ABAHATA	61
4.5.1 Analisis Pendapat Pelajar terhadap Kaedah ABAHATA	62
4.5.2 Perbandingan Pendapat Pelajar: Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	66
4.5.2.1 Pemahaman Makhraj Huruf (BE1)	67
4.5.2.2 Pemahaman Hukum Tajwid (BE2)	68
4.5.2.3 Keyakinan Membaca Al-Quran (BE3)	68
4.5.2.4 Minat dalam Pembelajaran Al-Quran (BE4)	68
4.5.2.5 Kepuasan Keseluruhan Terhadap Kaedah ABAHATA (BE5)	69
4.5.2.6 Kesimpulan	69
4.6 Rumusan	70
BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	73
5.1 Pendahuluan	73
5.2 Kesimpulan Kajian	74

5.2.1 Tahap Penguasaan Sebelum Pelaksanaan Kaedah ABAHATA	74
5.2.2 Tahap Penguasaan Pelaksanaan Kaedah ABAHATA	74
5.2.3 Keberkesanan Kaedah ABAHATA	75
5.3 Perbincangan	75
5.3.1 Perbandingan Tahap Penguasaan Bacaan Sebelum dan Selepas Intervensi	76
5.3.2 Keberkesanan Kaedah ABAHATA Berdasarkan Ujian-t Berpasangan	77
5.3.3 Perbezaan Signifikan antara Kumpulan Rawatan dan Kawalan	78
5.3.4 Persepsi Pelajar terhadap Kaedah ABAHATA	78
5.3.5 Rumusan Perbincangan	79
5.4 Implikasi Kajian	80
5.4.1 Implikasi terhadap Pendidikan al-Quran di Sekolah Menengah	80
5.4.2 Implikasi terhadap Amalan Pengajaran Guru	81
5.4.3 Implikasi terhadap Motivasi dan Minat Pelajar	82
5.4.4 Implikasi terhadap Dasar dan Kurikulum Pendidikan Islam	82

5.4.5 Rumusan Implikasi Kajian	84
5.5 Cadangan	84
5.5.1 Cadangan terhadap Amalan Pendidikan	85
5.5.1.1 Pelaksanaan Kaedah ABAHATA Secara Meluas dalam Kurikulum Arus Perdana	85
5.5.1.2 Penekanan kepada Latihan Praktikal dan Interaktif	86
5.5.1.3 Pengintegrasian Teknologi dalam Pengajaran ABAHATA	86
5.5.2 Cadangan terhadap Penyelidikan Lanjutan	86
5.5.2.1 Kajian dengan Saiz Sampel yang Lebih Besar dan Pelbagai Konteks	87
5.5.2.2 Pelaksanaan Kajian Longitudinal	88
5.5.2.3 Perbandingan dengan Kaedah Pengajaran Al-Quran yang Lain.	88
5.5.2.4 Penilaian terhadap Keberkesanan dalam Konteks Psikososial Pelajar	88
5.6 Penutup	88



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xii

RUJUKAN

91



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Interprestasi Kebolehpercayaan skor Cronbach's Alpha	41
4.1	Min skor bagi setiap domain untuk kumpulan rawatan dan kawalan bagi ujian pra dan pos	49
4.2	Keputusan Ujian-t Berpasangan bagi Kumpulan Rawatan	53
4.3	Keputusan Ujian-t Bebas bagi Ujian Pos (Rawatan dengan Kawalan)	57
4.4	Analisis Pendapat Pelajar terhadap Kaedah ABAHATA	61

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konsep Kajian	11
3.1 Reka Bentuk Kajian Eksperimental	32
3.2 Proses Pelaksanaan Kesahan dan Kebolehpercayaan	38
4.1 Taburan Umur Responden	46
4.2 Taburan Kumpulan Responden	47
4.3 Taburan Latar Belakang Keluarga	48
4.4 Perbandingan Pendapat Pelajar: Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	61



SENARAI SINGKATAN

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
BBM	Bahan Bantu Mengajar
FPI	Falsafah Pendidikan Islam
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
PdPC	Pengajaran dan Pemudahcaraan
S.W.T	SubhanaAllah Taala
S.A.W	Sollahu Alahi Wasalam
R.A	RadiaAllahu Anhu
IPAQ	Institut Pengajian al-Quran
CQRUM	Pusat Penyelidikan al-Quran Universiti Malaya
KAFA	Kelas al-Quran dan Fardu Ain
LTP	Latihan Tenaga Pengajar
SPSS	<i>Statistic Package for Social Sciences (SPSS)</i>
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SABK	Sekolah Agama Bantuan kerajaan
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SBP	Sekolah Berasrama Penuh
CPD	Modul Latihan Berterusan





Analysis (analisis), Design (reka bentuk), Development

ADDIE

*(pembangunan), Implementation (pelaksanaan) dan Evaluation
(penilaian)*





SENARAI LAMPIRAN

- A Keratan Akhbar Harian Metro dan Melaka Hari Ini
- B Modul ABAHATA
- C Borang Soal Selidik dan Kesahan Pakar





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Kajian ini dijalankan berasaskan isu kelemahan penguasaan bacaan surah al-Fatihah dalam kalangan murid sekolah menengah yang dikenal pasti melalui pemerhatian dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Surah al-Fatihah merupakan bacaan asas yang wajib dalam solat, justeru kelemahan menguasainya boleh memberi kesan langsung terhadap kesempurnaan ibadah seorang Muslim. Berdasarkan kepentingan ini, penyelidik menilai keberkesanan kaedah ABAHATA yang merupakan pendekatan sistematik dan interaktif dalam pembelajaran al-Quran. Penyelidikan ini





memfokuskan kepada murid Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga di Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Melaka Tengah untuk mengenal pasti tahap penguasaan bacaan mereka sebelum dan selepas pelaksanaan kaedah ini serta menilai sejauh mana keberkesanannya. Hasil dapatan kajian diharapkan dapat menyumbang kepada usaha memperkukuh pengajaran al-Quran di sekolah menengah serta memberi panduan kepada guru, institusi pendidikan dan ibu bapa dalam membentuk generasi celik al-Quran.

1.2 Latar Belakang Kajian

Islam merupakan sebuah agama yang syumul. Islam mencakupi semua aspek kehidupan dan ketamadunan masyarakat. Pembinaan dan pembangunan sesebuah tamadun dilihat dari aspek perkembangan ilmu pengetahuan masyarakat setempat. (Adibah, Ezad, & Norliyana, 2016). Hal ini dapat dibuktikan di dalam peristiwa Nabi Muhammad S.A.W. menerima wahyu yang pertama di Gua Hira' daripada Malaikat Jibrail melalui firman Allah s.w.t:

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۝

Yang bermaksud: Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk).

(Surah Al-'Alaq, 96:1)





Melalui wahyu yang telah dinyatakan di atas, jelas bahawa, Nabi Muhammad S.A.W. telah mendapat tarbiyyah pertama daripada Malaikat Jibrail berbentuk ilmu pengetahuan untuk diajar kepada umatnya. Di samping itu, wahyu ini memberikan arahan dan perintah untuk mengenali Allah s.w.t, memahami fenomena alam sekitar dan mengenali diri sendiri, yang termasuk prinsip aqidah, ilmu dan amal (Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Robiatul Adawiah Jamali, Yusmini Md Yusoff, Fadillah Mansor, & Zaharah Hussin, 2014). Ketiga-tiga aspek inilah yang menjadi teras dalam pembinaan Falsafah Pendidikan Islam (FPI).

Falsafah Pendidikan Islam menekankan:



“Usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat”.

(Supyan, 2014)

Falsafah Pendidikan Islam ini menekankan proses pembinaan masyarakat yang holistik dengan penerapan nilai-nilai Islam dalam kehidupan yang bertunjangkan wahyu dan sunnah baginda nabi Muhammad S.A.W.. Oleh yang demikian, Falsafah Pendidikan Islam telah memberi makna proses pengajaran dan pembelajaran murid-murid Islam di sekolah merangkumi semua aspek bukan sahaja dari sudut spiritual,





fizikal, intelek, emosi dan sosial yang bermatlamat kepada kebahagiaan di dunia dan di akhirat (Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Robiatul Adawiah Jamali, Yusmini Md Yusoff, Fadillah Mansor, & Zaharah Hussin, 2014).

Al-Quran merupakan kalam Allah S.W.T. yang bermukjizat, diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w, ditulis dalam beberapa mushaf, dipetik daripada riwayat mutawatir, dan membacanya merupakan ibadah. (Subhi Salleh, 1991). al-Quran merupakan salah satu wahyu yang mempunyai pelbagai suruhan dan perintah Allah S.A.W.. Kalamullah ini bukan sekadar kitab suci umat islam semata-mata, namun Al-Quran juga sebagai panduan melahirkan insan yang cemerlang di dunia dan di akhirat. Oleh yang demikian, sebagai umat Islam, pentingnya individu muslim itu mendalami intipati yang terkandung di dalamnya melalui pembacaan al-Quran.



Manusia sebagai hamba Allah yang lemah. Dengan kelemahan secara fitrahnya telah mendorong manusia mengejar kekuatan di sekelilingnya. Kekuatan yang dimaksudkan ini adalah Tuhan (Allah) (Masakaree Ardae, & Nik Muhammad Syukri, 2021). Bagi umat Islam, mereka mempercayai bahawa Allah s.w.t. memiliki segala kesempurnaan yang terdapat di dalam Asmaul Husna. Oleh yang demikian, sebagai seorang hamba, ibadat dan menyerah diri kepada-Nya merupakan satu kewajipan.

Justeru, pemberdayaan mental, kognitif dan moral adalah matlamat pendidikan Islam. Ia membolehkan seseorang melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai hamba kepada al-Khaliq dan khalifatul al-Ardh di dunia ini (Imroatun & Ilzamudin,





2020). Tanggungjawab yang wajib dilakukan oleh seorang hamba merujuk kepada pelaksanaan ibadat sama ada ibadat umum atau ibadat khusus contohnya solat. Terdapat 13 rukun yang perlu dilaksanakan bagi menyempurnakan ibadat solat. Daripada 13 rukun itu, ia terbahagi kepada 3 kategori iaitu rukun qalbi, rukun fi'li dan rukun qauli. (Norzira Ahmad, 2019)

Lantaran itu, Al-Quran dimulakan dengan surah al-Fatihah. (Norazman Alias, Zainora Daud & Anuar Hasin, 2021). Surah ini membawa maksud pembukaan dan dikategorikan sebagai ayat Makiyyah. (Al-Suyutiy, 2004). Bacaan surah al-Fatihah merupakan bacaan yang wajib dibaca oleh setiap muslim yang melakukan solat. Sekurang-kurangnya setiap individu muslim akan membaca surah ini sebanyak 17 kali dalam sehari. Ini menunjukkan berapa pentingnya surah al-Fatihah bukan sahaja dibaca tetapi dibaca dengan tartil dan bertajwid. Firman Allah S.W.T:

أَوْ زِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلاً ٤

Yang bermaksud: Ataupun lebihkan (sedikit) daripadanya; dan bacalah al-Quran dengan "Tartil".

(Surah Al-Muzammil, 73: 4)

Oleh yang demikian, ulama ulum al-Quran telah banyak mengkaji perkara yang berkaitan ilmu pemahaman wahyu bermula daripada turunnya al-Quran, penyusunan tulisan, pembinaan model tulisan, pembukuan, cara bacaan, cara penafsiran, i'jaz





al-Quran, ilmu berkaitan nasakh mansukh, ilmu berkaitan muhkam-mutasyabih dan sebagainya (Abu Syahbah, 1992). Dalam masa yang sama, pembentukan kaedah-kaedah pengajaran al-Quran yang baru semakin banyak dibina dan dibangunkan kini. Antara kaedah yang seringkali kita ketahui adalah sebagaimana pengajaran Malaikat Jibrail bersama Nabi Muhammad s.a.w. dengan menggunakan kaedah talaqqi dan mushafahah. (Sharifah Norshah, Nor Salimah, & Zulkifli, 2011). Selain itu, menurut al-Qabisi sebagaimana hadis Nabi Muhammad S.A.W. menyatakan proses penghafalan al-Quran bermula dengan menghafal kalimat, memahaminya, dan mengulanginya. (Andi & Dodi, 2024).

Oleh itu, pada kajian kali ini, penyelidik akan mengkaji suatu kaedah baru yang akan digunakan bagi melihat tahap keberkesanannya terhadap pembacaan surah al-Fatihah dalam kalangan murid Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga di Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Melaka Tengah.

1.3 Pernyataan Masalah

Saban tahun, kita disajikan dengan pelbagai isu dan masalah buta huruf terhadap penguasaan pembacaan al-Quran murid di sekolah. Hal ini bukan sahaja berlaku di peringkat sekolah rendah, bahkan juga isu ini berlaku di Sekolah Menengah Kebangsaan dan lebih parah lagi sehingga ke institusi-institusi pendidikan tinggi. Menurut kajian, faktor yang mempengaruhi kebolehan murid untuk membaca al-Quran





di peringkat sekolah rendah dan menengah, termasuk kemahiran asas seperti menyebut mahraj huruf, mengenal pasti tanda bacaan dan hukum tajwid adalah kesan daripada guru yang tidak mempunyai kemahiran yang diperlukan untuk menguasai bidang bacaan al-Quran kerana mereka bukan bidang pengkhususan mereka, kurang penekanan daripada ibu bapa dan pengajaran yang lemah dan kekurangan bantuan alatan mengajar yang produktif. (Hasani & Rosmawati, 2023).

Permasalahan dan isu ini disokong oleh kenyataan akhbar Harian Metro dengan menyatakan lebih 700 pelajar, atau 7% daripada kira-kira 11,000 pelajar tahun Enam di Melaka, tidak dapat mengaji al-Quran dan didakwa tidak mendirikan solat. (Harian Metro, 2019). Selain itu, menurut Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman yang merupakan ahli Parlimen Pasir Salak menyatakan bahawa terdapat kemungkinan bahawa generasi muda kini tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang ilmu jawi dan al-Quran, yang akan menyebabkan mereka tidak dapat melaksanakan tanggungjawab Islam mereka untuk mendirikan solat. (Melaka Hari Ini, 2022)

Oleh itu, merujuk kepada kajian-kajian lepas yang telah diterokai dan dianalisis oleh penyelidik lain, maka penyelidik dalam kajian ini telah memilih kajian berkaitan keberkesanan pelaksanaan Kaedah ABAHATA terhadap bacaan surah al-Fatihah murid Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga di Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Melaka Tengah. Hal ini kerana murid-murid Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga di Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Melaka Tengah menghadapi masalah yang sama seperti dalam kajian lepas iaitu sukar untuk menguasai bacaan al-Quran khususnya surah al-Fatihah. Berdasarkan permasalahan tersebut, penyelidik perlu





menjalankan kajian ini demi kebaikan semua pihak khususnya kepada murid-murid Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga di Sekolah Menengah Kebangsaan itu sendiri.

1.4 Objektif Kajian

Secara spesifik kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif berikut:

1. Mengenalpasti tahap penguasaan bacaan surah al-Fatihah murid Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga di Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Melaka Tengah sebelum pelaksanaan kaedah ABAHATA.

2. Mengenalpasti tahap penguasaan bacaan surah al-Fatihah murid Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Melaka Tengah selepas pelaksanaan kaedah ABAHATA.

3. Mengenalpasti tahap perbezaan ujian pra dan ujian pos murid Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Melaka Tengah selepas pelaksanaan kaedah ABAHATA.

4. Menilai keberkesanan kaedah ABAHATA dalam kalangan murid Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Melaka Tengah





1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini turut menjawab soalan-soalan kajian yang dikehendaki seperti berikut:

1. Apakah tahap penguasaan bacaan surah al-Fatihah murid Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga di Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Melaka Tengah dalam ujian pra antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan?
2. Apakah tahap penguasaan bacaan surah al-Fatihah murid Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga di Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Melaka Tengah dalam ujian pos antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan?
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan ujian pra dan ujian pos kumpulan rawatan bagi penguasaan bacaan surah al-Fatihah murid Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga di Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Melaka Tengah?
4. Adakah kaedah ABAHATA berkesan terhadap penguasaan bacaan surah al-Fatihah murid Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga di Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Melaka Tengah?

1.6 Hipotesis Kajian

1. H_0 = Tidak terdapat perbezaan yang signifikan ujian pra antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan bagi penguasaan bacaan surah al-Fatihah murid





Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga di Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Melaka Tengah?

2. H02 = Tidak terdapat perbezaan yang signifikan ujian pra dan ujian pos kumpulan kawalan bagi penguasaan bacaan surah al-Fatihah murid Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga di Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Melaka Tengah?

3. H03 = Tidak terdapat perbezaan yang signifikan ujian pra dan ujian pos kumpulan rawatan bagi penguasaan bacaan surah al-Fatihah murid Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga di Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Melaka Tengah?

4. H04 = Tidak terdapat perbezaan yang signifikan ujian pos antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan bagi penguasaan bacaan surah al-Fatihah murid Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga di Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah

Melaka Tengah?

5. H05 = Tidak terdapat kesan yang signifikan kaedah ABAHATA terhadap penguasaan bacaan surah al-Fatihah murid Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga di Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Melaka Tengah?

1.7 Kerangka Konseptual

Konsep merupakan satu generalisasi terhadap sesuatu kumpulan tertentu sehingga boleh digambarkan dengan pelbagai fenomena yang sama (Singarimbun, 1990). Dalam konteks kajian ini, teori tilawah menjadi asas penting kerana ia menekankan bacaan



al-Quran yang betul dari sudut hukum tajwid, makhraj huruf, kelancaran (tartil) dan penghayatan makna (Mariam et al., 2020). Ulama membahagikan tilawah kepada beberapa bentuk iaitu tahqiq (bacaan perlahan dengan penuh teliti), tartil (bacaan jelas mengikut tajwid dengan kadar sederhana) dan tadwir (bacaan sederhana di antara cepat dan perlahan) (Al-Suyuti, 2004). Teori ini menjadi landasan kepada kerangka konseptual kajian kerana penilaian bacaan surah al-Fatihah dalam kalangan murid tidak hanya terbatas kepada aspek teknikal, tetapi turut melibatkan penguasaan tilawah yang sempurna. Oleh itu, kerangka konseptual kajian ini memberikan gambaran menyeluruh tentang pembolehubah, dimensi, dan konstruk yang digunakan dalam kajian serta menyediakan arah aliran kerja dan hala tuju yang jelas kepada penyelidik (Jalet & Yunus, 2021).



Rajah 1.1. Kerangka Konsep Kajian

Berdasarkan Rajah 1.1 di atas, penyelidik memulakan kajian dengan mengenalpasti tahap pembacaan surah al-Fatihah murid Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga di Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Melaka Tengah melalui ujian pra. Setelah itu, pengkaji akan mengimplementasikan kaedah pengajaran al-Quran



dengan menggunakan kaedah ABAHATA. Penilaian kaedah ini meliputi tiga konstruk iaitu penilaian melalui Makhraj, Tajwid dan Rasm. Dalam kajian ini, pemboleh ubah tidak bersandar adalah kaedah ABAHATA, manakala pemboleh ubah bersandar adalah penguasaan bacaan surah al-Fatihah dalam kalangan murid Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga di Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Melaka Tengah.

1.8 Definisi Operasional Kajian

Dalam kajian ini, keberkesanan yang ditakrifkan adalah berfokuskan kepada tiga penilaian iaitu cara sebutan huruf-huruf al-Fatihah dengan betul dan bertajwid. Selain, murid mampu menguasai tajwid yang berada di dalam surah al-Fatihah dan akhir sekali, murid dapat menulis surah al-Fatihah dengan baik. Murid yang terlibat dalam kajian ini adalah murid Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga di Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Melaka Tengah.

1.8.1 Kaedah ABAHATA

Kajian ini telah merujuk sebuah modul kaedah pembacaan al-Quran yang telah dikeluarkan oleh Institut Pengajian al-Quran (IPAQ). Kaedah asal adalah diambil daripada Indonesia yang telah diasaskan oleh Drs Yusuf Sodik. Metode ABAHATA ini





beliau telah susun ketika beliau berada di Tanah Suci Mekah. Kaedah ini telah diguna pakai secara meluas di Indonesia dan diperakukan oleh jabatan-jabatan berkaitan Pemerintah Indonesia. Oleh kerana kajian daripada IPAQ juga memfokuskan kepada mencari formula memasyarakatkan al-Quran dengan tujuan membasmi buta huruf al-Quran dengan kerjasama Pusat Penyelidikan al-Quran Universiti Malaya (CQRUM), kaedah ABAHATA ini dinilai antara kaedah yang terbaik yang boleh digunakan masa kini kerana kaedah ini mesra kanak-kanak juga bersesuaian untuk remaja dewasa mahupun warga emas. Selain, kaedah ini juga telah diuji ke atas hiperaktif dan autistik dan ia berkesan.

Dinamakan kaedah ABAHATA ini adalah kerana permulaan kaedah ini dimulakan dengan huruf Alif, Ba', Ha' dan Ta' berbaris atas. Kaedah ini mempunyai satu buku titian ingatan dan empat jilid modul yang mempunyai pelbagai warna antaranya jilid satu berwarna merah, jilid dua berwarna ungu, jilid tiga berwarna kuning dan jilid empat berwarna hijau. Bagi kaedah pelaksanaan, guru yang bertauliah dibekalkan dengan buku tambahan seperti Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran dan buku Rancangan Pengajaran dan Pembelajaran.

Dalam kajian ini, kaedah ABAHATA telah digunakan oleh pengkaji dengan menggunakan kaedah pelaksanaannya serta modul yang dibekalkan oleh Institut Pengajian Al-Quran (IPAQ).





1.8.2 Surah Al-Fatihah

Surah al-Fatihah merupakan surah pertama yang membuka keseluruhan kandungan al-Quran, justeru itu ia dinamakan sebagai *al-Fatihah* yang bermaksud "Pembukaan". Ia menjadi permulaan dalam susunan mushaf dan juga menjadi rukun penting dalam ibadah solat. Surah ini mengandungi tujuh ayat yang padat dengan nilai-nilai tauhid, ibadah, doa dan hidayah. Menurut Al-Suyutyi (2004), surah al-Fatihah tergolong dalam kelompok ayat Makkiyyah, iaitu surah yang diturunkan di Mekah sebelum peristiwa hijrah Rasulullah SAW ke Madinah.

Surah ini bukan sekadar mukadimah kepada al-Quran secara struktur, tetapi juga mengandungi inti ajaran Islam yang merangkumi aspek akidah, ibadah dan akhlak.

Ia dikenali dengan pelbagai nama seperti *Umm al-Kitab* (Ibu al-Kitab), *al-Sab'ul Mathani* (Tujuh yang diulang-ulang) dan *al-Syifa'* (Penyembuh), menggambarkan kedudukan istimewanya dalam al-Quran dan kehidupan umat Islam. Pengulangan surah ini sekurang-kurangnya 17 kali sehari dalam solat fardhu menunjukkan betapa pentingnya surah ini sebagai bentuk penghambaan dan komunikasi hamba dengan Allah SWT. Dalam sebuah hadis, Nabi S.A.W. bersabda;

عن عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَا صَلَاةَ لِمَنْ لَمْ يَقْرَأْ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ.

(رواه البخاري، رقم 756؛ ومسلم، رقم 394)





Yang bermaksud: Daripada 'Ubādah bin aṣ-Ṣāmit r.a, beliau berkata: Rasulullah SAW bersabda: “Tidak sah solat bagi sesiapa yang tidak membaca Umm al-Kitab (Surah al-Fatihah).”

(Riwayat al-Bukhari, no. 756; Muslim, no. 394)

Dalam kajian ini, surah al-Fatihah digunakan kerana pengkaji ingin menekankan kepentingan pembacaan surah al-Fatihah dengan betul dan bertajwid dalam kalangan pelajar untuk diaplikasikan di dalam ibadah khususnya ibadat solat. Perkara ini penting bagi memastikan ibadah yang mereka lakukan memenuhi syarat dan rukun yang ditetapkan oleh syarak.



1.9 Batasan Kajian

Menurut Fuad (2023), sesuatu halangan yang mengganggu serta menyekat proses kajian dijalankan. Hal ini termasuk kekangan wang perbelanjaan mahupun sumber kewangan untuk menjalankan kajian. Selain, halangan sosial seperti responden yang tidak mahir membaca, tidak memperoleh kerjasama, dan emosi responden ketika menjawab soalan. Dalam kajian ini, responden yang terlibat hanya 12 orang murid Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga di Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Melaka Tengah. Kajian ini terbatas hanya penilaian surah al-Fatihah sahaja dan hanya menilai dari segi makhraj, pembacaan dan penulisan surah al-Fatihah sahaja.





1.10 Kepentingan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menyenaraikan tiga kepentingan kajian khususnya kepada murid-murid, sekolah, dan ibu bapa.

1.10.1 Kepentingan Kajian Kepada Pendidikan Al-Quran Murid-Murid

Kajian ini memainkan peranan penting dalam meningkatkan kualiti pendidikan al-Quran di kalangan murid-murid, khususnya pelajar Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga di Sekolah Menengah Kebangsaan, daerah Melaka Tengah. Melalui kaedah ABAHATA, kajian ini berjaya memupuk kemahiran membaca al-Quran dengan lebih efektif, sekaligus menarik minat murid untuk mendalami pembelajaran al-Quran. Kaedah pengajaran kontemporari ini menyokong guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPC) secara berkesan, baik di dalam mahupun di luar bilik darjah, dengan menggunakan instrumen, modul, dan pendekatan yang telah direka bentuk khusus. Hasilnya, kajian ini dapat melahirkan individu yang bukan sahaja mahir membaca al-Quran, tetapi juga memiliki penghayatan mendalam terhadap kitab suci ini.





1.10.2 Kepentingan Kajian Kepada Murid Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (Institusi)

Kajian ini memberikan sumbangan signifikan kepada institusi sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), khususnya Sekolah Menengah Kebangsaan, dengan memperkenalkan kaedah ABAHATA dalam pendidikan al-Quran. Kaedah ini terbukti berkesan dalam membantu murid Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga menguasai kemahiran tilawah dan hafazan al-Quran, yang merupakan komponen penting dalam silibus Pendidikan Islam. Secara tidak langsung, kajian ini meningkatkan prestasi akademik murid dalam ujian formatif dan sumatif, seterusnya menyumbang kepada peningkatan pemarkahan dan pencapaian keseluruhan dalam kurikulum al-Quran. Dengan pelaksanaan kaedah ABAHATA, sekolah dapat memperkukuh kualiti pengajaran dan pembelajaran, sekaligus memupuk pembangunan murid yang lebih holistik dan berkualiti dalam aspek pendidikan agama. Ini bukan sahaja meningkatkan reputasi institusi, tetapi juga memastikan matlamat KPM untuk melahirkan pelajar yang seimbang dari segi intelek dan spiritual dapat dicapai.

1.10.3 Kepentingan Kajian Kepada Iubapa

Kajian ini turut memberikan kebaikan dan impak yang positif kepada institusi keluarga khususnya kepada ibu bapa. Hal ini kerana, ibu bapa akan dapat melihat perubahan tahap penguasaan bacaan surah al-Fatihah khususnya serta pembacaan al-Quran umumnya kepada murid setelah eksperimen dilakukan. Selain, ibu bapa juga boleh





mengaplikasikan kaedah ini kerana ia mempunyai modul yang tersusun dan mudah untuk dilaksanakan secara di rumah. Kesannya, ia secara tidak langsung membantu melahirkan lebih ramai kanak-kanak yang mahir al-Quran dan seronok mempelajarinya dari semasa ke semasa

